

TARIKH : 30 NOVEMBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

Peniaga positif prospek suku keempat

Peniaga positif prospek suku keempat

PETALING JAYA – Peniaga di negara ini terus positif terhadap situasi perniagaan mereka bagi suku keempat tahun ini, berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dilaksanakan Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, terdapat tanda penyederhanaan pada tahap keyakinan peniaga pada suku tahun keempat 2022 dengan petunjuk keyakinan dicatatkan 3.2 peratus berbanding +4.7 peratus

yang direkodkan pada suku tahun ketiga.

“Sebanyak 32.5 peratus pertubuhan meramalkan hasil kasar mereka meningkat pada suku tahun keempat 2022 manakala 38 peratus pertubuhan menjangkakan hasil kasar mereka akan kekal sama,” katanya dalam satu kenyataan.

Selain itu, tiga sektor utama iaitu perkhidmatan, industri dan perdagangan borong serta runcit menjangkakan prospek positif pada suku tersebut.



PEMBUKAAN ekonomi secara menyeluruh memberi petanda positif kepada peniaga dalam suku keempat 2022. – GAMBAR HIASAN